

SOALAN NO: 515

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]
RUJUKAN : BL5 [PR-1341-T72641]
SOALAN :

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan faktor yang menyebabkan tanah runtuh di Taman Tan Yew Lai pada 4 Disember 2015, Jalan Petaling serta senarai kawasan yang berpotensi terdedah dengan bahaya tanah runtuh di Lembah Pantai.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai, berdasarkan kajian daripada pihak perunding yang dilantik oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, punca-punca berlakunya kegagalan tembok sehingga mengakibatkan kejadian tanah runtuh adalah seperti berikut:-

1. Berlakunya resapan air akibat daripada kerosakan longkang;
2. Ujian "*Resistivity*" menunjukkan bahawa terdapat tanah tepu di belakang tembok penahan yang menyebabkan peningkatan "*pave water pressure*" sehingga menyebabkan kegagalan tembok;
3. *Wheephole* pada tembok penahan tidak berfungsi dengan baik dan seterusnya meningkatkan "*pave water pressure*".

Berdasarkan kepada data daripada *Kuala Lumpur Slope Information System* (KULSIS), bagi Parlimen Lembah Pantai, sebanyak 116 kawasan cerun dikategorikan sebagai sangat berisiko tinggi manakala 199 kawasan cerun berisiko tinggi. Kriteria yang diambil kira bagi mengklasifikasikan kategori risiko cerun adalah *Slop Angle, Flow Accumulation, Land Cover, Geology, Geological Lineament, Rainfall Density, Sign of Distress* dan *Failure History*.